



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**SEMARAK UNITI KELUARGA MALAYSIA MERAKYATKAN
PERPADUAN**

23 Julai 2022, Kota Tinggi – YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara telah melancarkan **Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia Peringkat Parlimen Kota Tinggi** bertempat di Dataran Tanjung Sedili, Kota Tinggi, Johor.

2. Pelaksanaan di peringkat Parlimen Kota Tinggi merupakan lokasi kedua diperingkat Parlimen selepas yang pertama diadakan di Parlimen Jempol pada 4 Jun 2022. Program yang berlangsung selama dua hari dari 23 hingga 24 Julai 2022 ini menyediakan pelbagai program dan aktiviti menarik yang menjadi tapak integrasi dalam membina kebersamaan dan menyemarakkan semangat muhibbah di kalangan warga Kota Tinggi.

3. Bertemakan “**Merakyatkan Perpaduan Keluarga Malaysia**”, program ini berpaksikan 3 teras Keluarga Malaysia iaitu **Keterangkuman, Kebersamaan** dan **Kesyukuran** yang menjadi ciri asas mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan **Perlembagaan Persekutuan** dan **Rukun Negara**.

4. Antara pengisian Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia Peringkat Parlimen Kota Tinggi adalah:

- i. Program Komuniti Sejahtera Keluarga Malaysia;

- ii. Sembang UNITI Keluarga Malaysia;
- iii. Pameran oleh agensi, IKS dan Komuniti Rukun Tetangga (KRT);
- iv. Program Cendekiawan CILIK;
- v. Jualan barang IKS oleh Komuniti Setempat;
- vi. Rumah KAMI Keluarga Malaysia;
- vii. Jom Sihat Keluarga Malaysia;
- viii. Sukan Keluarga Malaysia; dan
- ix. Citarasa Menu Keluarga Malaysia.
- x. Pameran UNITI Keluarga Malaysia
- xi. Sukan UNITI Keluarga Malaysia
- xii. Program *Community Outreach* Keluarga Malaysia
- xiii. Penyampaian Bantuan PERKESO,
- xiv. Program-program perpaduan melibatkan *Unity Run*, kenegaraan, *patriotisme* dan pemeraksanaan projek ekonomi komuniti.

5. Sementara itu, pada hari Ahad, 24 Julai 2022, melalui Program *Community Outreach* Keluarga Malaysia, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique akan merasmikan Pusat Kraftangan FELDA di Felda Easter, Kota Tinggi serta meninjau Kebun Komuniti KRT FELDA Easter. KRT FELDA Easter turut bekerjasama dengan Pusat Kraftangan FELDA dalam menjayakan usahasama projek kraftangan berasaskan mengkuang.

6. Selain itu, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique turut serta dalam aktiviti pelepasan belangkas ke Pantai Sedili Kechil, Kota Tinggi di bawah inisiatif Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam usaha menggalakkan penternakan belangkas dan menggiatkan ekonomi setempat yang terkenal dengan belangkas di kalangan Keluarga Malaysia, para pelancong tempatan dan asing.

7. Bersempena program ini, YB Menteri Perpaduan Negara turut menyampaikan :

- I. 400 kotak RT Cares kepada penerima melalui program Komuniti Sejahtera Keluarga Malaysia;
- II. Geran Pelaksanaan Program UNITI Siswa bernilai RM5,000 kepada empat (4) Sekretariat Rukun Negara (SRN) iaitu SRN Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, SRN Universiti Teknologi Malaysia, Johor, SRN Politeknik Metro Johor Bahru dan SRN UiTM Cawangan Johor;
- III. Cek faedah PERKESO kepada lima (5) penerima Pencen Faedah Orang Tanggungan (FOT) dan penerima Pencen Penakat;
- IV. Penyerahan Jalur Gemilang sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2022 kepada pemimpin komuniti setempat; dan
- V. Lawatan ke rumah dan menyampaikan cek faedah PERKESO kepada 3 (tiga) penerima Pencen Faedah Huk, Ilat dan Alat Pemulihan;

8. Program Semarak UNITI Keluarga Malaysia peringkat Parlimen Kota Tinggi turut mendapat kerjasama daripada agensi-agensi seperti Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi, Majlis Daerah Kota Tinggi, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, Jabatan Pertanian Daerah Kota Tinggi, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), STEM (UTHM), Kolej Komuniti Bandar Penawar, Institut Kemahiran Belia Negara Bandar Penawar, SWCorp, Telekom Malaysia, FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), RISDA, PERKESO, Giat MARA dan lain-lain yang menyediakan pameran dan perkhidmatan kepada para pengunjung.

9. Program pada hari ini turut dihadiri oleh YB Datin Paduka Hajah Hazlina binti Jalil, Pegawai Daerah Kota Tinggi, YB Tuan Muszaide bin Makmor, ADUN Tanjung Sedili, YB Cik Norlizah binti Noh, ADUN Johor Lama, YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abd Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara dan YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli, Ketua Pengarah Jabatan

Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. YB Menteri turut menzahirkan penghargaan kepada semua atas gabungan tenaga menjadikan pengisian program ini **padat, mantap dan terbaik** merangkumi pelbagai kumpulan sasar.

Kementerian Perpaduan Negara

23 Julai 2022

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Keluarga Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (140)